



JABATAN TANAH DAN GALIAN  
NEGERI PERLIS

# MANUAL PENGGUNA



## SISTEM eTANAH PERLIS

---

### PENDAFTARAN AKAUN



Edisi ini terpakai pada eTanah Perlis (eTP) versi 1.0 dan sah sehingga ianya digantikan dengan edisi terbaru.

## KANDUNGAN


1.0	MENGENAI SISTEM .....	1
1.1	Mengakses Sistem .....	1
1.2	Pendaftaran Akaun.....	2
1.3	Log Masuk Kali Pertama dan Verifikasi Akaun .....	4

## 1.0 MENGENAI SISTEM

### 1.1 MENGAKSES SISTEM

1. Akses sistem dengan memasukkan URL berikut kedalam pelayar web (Google Chrome, Mozilla Firefox, Microsoft Edge, dsb.).


**<https://etp.ptgps.gov.my/>**



**Rajah 1.1.1 Halaman Utama Portal Perkhidmatan eTanah Perlis**


## 1.2 PENDAFTARAN AKAUN

1. Pendaftaran akaun adalah tidak diwajibkan sekiranya pengguna memilih untuk membuat urusan berkenaan bayaran cukai tanah atau semakan perserahan. Kedua-dua urusan ini boleh dilakukan tanpa mempunyai akaun berdaftar di dalam sistem eTanah Perlis.
2. Namun untuk membuat urusan berkenaan carian persendirian dan carian rasmi, pengguna perlulah mempunyai akaun yang berdaftar dan log masuk kedalam sistem terlebih dahulu. Jika masih belum berdaftar, pendaftaran perlulah dibuat sebelum sebarang urusan yang melibatkan carian persendirian dan carian rasmi boleh dilakukan.
3. Untuk mendaftar, klik pada butang **Daftar & Log Masuk** pada halaman utama atau menu **Log Masuk** pada bahagian atas sebelah kanan sistem.




Rajah 1.2.1 Menu Log Masuk eTanah Perlis

4. Halaman log masuk sistem eTanah Perlis akan dipaparkan. Klik pada butang **Daftar Akaun** untuk mendaftar.



Rajah 1.2.2 Daftar Akaun

- Masukkan maklumat yang diperlukan pada setiap medan yang dipaparkan. Setelah selesai, klik pada butang **Daftar**.




The screenshot shows a registration form titled "Daftar akaun e-Tanah Perlis". Below the title, it says "Sila masukkan maklumat dibawah." and "Maklumat Peribadi". The form fields are: RAJA ASLAN, rajaaslan@maildrop.cc, 0123456789, 800808040001, a dropdown menu with "INDIVIDU" selected, and "Alamat" section with fields for NO. 33A, JALAN BUNGA RAYA, TAMAN BUNGA RAYA, ALAMAT 4, 01000, KANGAR, and a dropdown menu with "Perlis" selected. Below the address fields is the "Katalaluan" section with two masked password fields and a checked checkbox "Saya bersetuju dengan syarat dan terma". A blue "Daftar" button is highlighted with a yellow arrow. Below the button is a link "Sudah mempunyai akaun?" and a "Log Masuk" button. At the bottom, it says "Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis © 2023".

**Rajah 1.2.3 Pendaftaran Maklumat Akaun**

**Nota:**

Terdapat dua (2) pilihan **Jenis Akaun** yang perlu dipilih oleh pengguna iaitu sama ada **Individu** atau **Wakil Peguam**. Pilihan jenis akaun ini akan menentukan pilihan carian yang akan dipaparkan kepada pengguna semasa membuat Carian Persendirian atau Carian Rasmi.


- Notifikasi pendaftaran akaun berjaya akan dipaparkan. Klik pada butang **Kembali ke Laman Utama**.



**Rajah 1.2.4 Pendaftaran Akaun Berjaya**


### 1.3 LOG MASUK KALI PERTAMA DAN VERIFIKASI AKAUN

1. Pada laman utama, klik pada butang **Log Masuk**. Sistem akan memaparkan halaman log masuk. Masukkan maklumat emel dan kata laluan pada medan yang dipaparkan dengan menggunakan maklumat ID yang telah didaftarkan dan kemudian klik pada butang **Log Masuk**.



**Rajah 1.3.1 Log Masuk Sistem eTanah Perlis**

2. Halaman **Dashboard** akan dipaparkan. Jika pengguna log masuk buat kali pertama selepas pendaftaran, notifikasi pemberitahuan untuk menyemak emel bagi tujuan verifikasi akaun ataupun pengesahan akan dipaparkan.




**Rajah 1.3.2 Notifikasi Semakan Emel Untuk Verifikasi**

**Nota:**

Menu-menu pengguna sistem yang berdaftar tidak akan dipaparkan sehinggalah pengguna telah mengesahkan pendaftaran akaun mereka.


3. Buka emel pengguna dan semak emel yang diterima dari **eTanah Perlis**. Kemudian klik pada pautan yang disertakan untuk mengesahkan pendaftaran akaun pengguna.



**Rajah 1.3.3 Emel Verifikasi Akaun eTanah Perlis**

**Nota:**  
Jika pengguna tidak menerima emel verifikasi ini selepas pendaftaran buat kali pertama, kembali pada halaman **Dashboard eTanah Perlis** dan klik pada pautan **Hantar emel verifikasi baru?** untuk menerima semula emel verifikasi yang terbaru.

4. Notifikasi verifikasi dan pengaktifan akaun berjaya akan dipaparkan. Klik pada butang **Kembali ke Laman Utama** dan log masuk semula untuk membuat urusan carian persendirian.



**Rajah 1.3.4 Verifikasi Akaun Berjaya**

-- MANUAL TAMAT --